

MEMAHAMI PENDEKATAN KAUNSELING INDIVIDU TERHADAP MODAL INSAN DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA : SUATU KAJIAN KES

*Mohd.Syukarmi Zakaria, Jamaluddin Ahmad & Maznah Baba
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

Abstrak

Penyelidikan ini dilaksanakan untuk memahami pendekatan kaunseling individu terhadap pembangunan modal insan di Sekolah Menengah Agama dalam Negeri Selangor. Kajian ini adalah bertujuan untuk menjawab tiga persoalan kajian iaitu (1) apakah bentuk pendekatan kaunseling individu yang di dijalankan, (2) bagaimanakah penerimaan kaunseling individu dalam kalangan pelajar dan (3) sejauh manakah pendekatan kaunseling individu dapat membantu dalam pembentukan modal insan pelajar. Bagi menjawab persoalan kajian ini, pengkaji mengaplikasikan metodologi kajian dalam empat bahagian. Pertama, reka bentuk kajian, kedua, kaedah pengumpulan data, ketiga, kaedah penganalisan data dan keempat ialah kaedah kesahan dan kebolehppercayaan data. Reka bentuk kajian ini berbentuk kajian kes kualitatif berunsurkan kajian penerokaan. Bagi kaedah pengumpulan data, digunakan kaedah kepustakaan bagi mendapatkan sumber data sekunder dan teknik temubual berstruktur serta pemerhatian digunakan untuk mendapatkan sumber data primer. Temubual dilakukan terhadap dua orang guru kaunselor dan dua orang pelajar yang pernah menjalani sesi kaunseling. Bagi penganalisan data pula, data yang telah terkumpul dianalisis dengan membina beberapa tema untuk menjawab persoalan kajian. Hasil daripada analisis kajian ini dapat dirumuskan kepada dua tema utama, pertama kaedah pendekatan kaunseling individu dan kedua ialah keberhasilan kaunseling individu terhadap pembangunan modal insan. Daripada tema pertama tersebut, pengkaji menemukan tiga sub tema iaitu kekerapan sesi kaunseling, kemahiran dan teori yang diaplikasikan. Tema utama yang kedua iaitu keberhasilan kaunseling individu terhadap pembangunan modal insan pula, menemukan tiga sub tema yang menjadi asas perbincangan dalam sesi temu bual tersebut, iaitu program yang dilaksanakan, penerimaan pelajar dan perubahan yang berlaku dalam diri pelajar. Oleh yang demikian, sudah tiba masanya kaunseling individu yang terbukti mampu membina modal insan pelajar, masyarakat dan negara terus diberikan perhatian.

Pengenalan

Manusia sentiasa menghadapi pelbagai masalah yang berbentuk cabaran atau dugaan di dalam kehidupan seharian mereka sama ada berkaitan dengan diri sendiri atau melibatkan individu lain seperti masalah kerjaya, kemasyarakatan, pendidikan, perkahwinan, kekeluargaan, kewangan dan sebagainya. Pelbagai cabaran dan dugaan yang dihadapi memerlukan kekuatan dan keyakinan diri yang tinggi untuk menempuhnya. Kadangkala terdapat individu yang tidak mampu menghadapi segala masalah secara seorang diri dan boleh mengakibatkan masalah menjadi terus berpanjangan. Semua ini memerlukan keprihatinan daripada semua pihak agar masalahnya tidak berlarutan. Oleh itu, amalan memberi bantuan seperti nasihat-menasihati bukanlah sesuatu perkara yang asing bagi masyarakat di Malaysia. Anak muda sentiasa diberi nasihat oleh orang dewasa, manakala orang dewasa pula akan mendapatkan pandangan daripada orang yang lebih tua dalam keluarga atau orang yang disegani dalam masyarakat setempat. Secara disadari atau tidak, proses khidmat pertolongan tetap berlaku dalam sesebuah masyarakat. Hal ini berlaku adalah disebabkan tolong-menolong, nasihat-menasihati dan bimbing-membimbing pasti wujud dalam kalangan manusia yang bermasyarakat. Fitrah manusia sememangnya mempunyai pelbagai kelemahan, dan bagi mengatasi kelemahan ini, manusia telah diperintahkan oleh Allah s.w.t agar sentiasa tolong- menolong antara satu sama lain, sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

“ Wajiblah ada di antara kamu satu umat (golongan) yang menyeru (manusia) kepada melakukan kebaikan, menyuruh berbuat yang baik dan melarang berbuat yang jahat. Mereka itu adalah orang yang berjaya. ” (Ali-Imran :104)

Kaunseling amat penting dalam kehidupan manusia kerana ianya merupakan proses tolong-menolong antara seorang dengan seorang yang lain. Agama Islam sendiri mewajibkan agar setiap orang yang berkuasa agar membantu orang lain yang tidak berkuasa. Begitu juga dengan orang



yang cerdas dan berilmu agar membantu insan yang lemah. Sekiranya mereka lemah dalam mempengaruhi fikiran, maka mereka akan mudah terpengaruh dengan nafsu syaitan dan seterusnya akan bertindak kepada jalan yang dilarang oleh Allah S.W.T. Walaubagaimanapun, sekiranya mereka bertindak dengan bijak, selain mendapat keredhaan Allah, sudah pasti mereka akan mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat. Orang yang didapati lemah pula, hendaklah dibantu, ditolong atau dibimbing ke arah jalan yang diredhai oleh Allah. Orang yang sanggup membantu orang lain yang menghadapi kesusahan akan diberikan ganjaran pahala yang besar di akhirat kelak sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W. iaitu ;

“Sesiapa yang melapangkan diri seorang mukmin yang sedang berada dalam kesusahan, atau menolong seorang mukmin yang teranaiya, nescaya ia akan diampunkan dosanya.”

Golongan remaja juga tidak lari daripada memerlukan bimbingan kerana kebanyakan remaja pada peringkat ini berhadapan dengan krisis identiti iaitu identiti yang sepatutnya mereka pegang. Remaja ialah zaman peralihan antara kanak-kanak dengan dewasa (Shertzer dan Stone, 1992). Pakar psikologi menyatakan bahawa zaman remaja adalah zaman yang penuh dengan idealisme, pemberontakan dan tekanan. Perubahan-perubahan yang dialami oleh seseorang remaja membuatkan dirinya berada dalam keadaan yang tidak stabil, kekeliruan dan konflik (Amla, Zuria dan Salleh, 2006). Zaman ini juga menurut Shertzer dan Stone (1992) sebagai zaman yang penuh dugaan, suka dan duka atau boleh juga dikatakan berada diperingkat ‘ribut’ dan ‘tekanan’. Pada ketika ini juga proses baligh juga akan berlaku.

Selain itu, masa remaja juga sering dikaitkan dengan mencari kebebasan dan mereka juga menunjukkan perasaan ingin tahu yang menyeluruh terhadap diri dan juga alam di sekeliling mereka (Shertzer dan Stone, 1992). Semasa pelajar berada di peringkat sekolah rendah, kebiasaannya aktiviti mereka akan ditentukan oleh guru dan ibu bapa. Walaubagaimanapun, apabila mereka melangkah keperingkat sekolah menengah, rakan sebaya memainkan peranan penting. Mereka akan mengurangkan pergantungannya kepada ibu bapa dan lebih banyak berbincang tentang hal peribadi mereka bersama dengan rakan-rakan akrab dan sebaya mereka. Selain itu, remaja juga meluangkan masa yang banyak dengan rakan sebaya sehingga mempengaruhi sikap, minat dan tingkah laku pelajar (Rohaty, 1992).

Oleh itu, pelbagai masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar seperti pertumbuhan fizikal yang mendadak, perkembangan kognitif dan perubahan psikologi memerlukan sokongan atau dalam kata lain kaunseling yang dapat menggalakkan pertumbuhan yang sihat. Selain itu, masalah tingkah laku di kalangan remaja juga memerlukan perhatian serius. Keadaan ini bukan sahaja menjadi tanggungjawab keluarga, tetapi juga pihak sekolah. Oleh itu, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dilihat mempunyai potensi yang boleh membendung pelbagai gejala tidak sihat pelajar-pelajar sekolah dengan menyediakan bantuan perkembangan dan pemulihan (Gibson dan Mitchell, 2009).

Permasalahan Kajian

Sistem pendidikan di Malaysia yang berpaksikan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah sangat mementingkan pembangunan modal insan. Pelbagai cara dilakukan untuk menyerap modal insan dalam sistem persekolahan kini. Pelaksananya melalui pelbagai program sama ada melalui kurikulum, ko-kurikulum dan juga dalam proses pengajaran dan pembelajaran, tetapi kajian mengenai modal insan terutamanya melalui pelaksanaan kaunseling individu masih kurang dijalankan. Selain itu, pembentukan modal insan dikalangan pelajar sekolah juga kurang dijalankan berbanding pelajar di Institut Pengajian Tinggi kerana mahu menyediakan mereka dengan persiapan dalam prospek kerjaya yang lebih berdaya saing, seiring dengan pembangunan ekonomi negara.

Masalah yang wujud di luar persekitaran sekolah akan turut dilibatkan dalam kelas, antaranya seperti menunjukkan simptom-simptom seperti tidak dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran, pencapaian akademik yang rendah, salah laku dan tidak berdisiplin, masalah dalam komunikasi dan sosial, masalah keluarga dan sebagainya. Keadaan ini akan bertambah parah sekiranya pihak sekolah terutamanya guru kaunseling tidak sedar akan kewujudan masalah



ini dalam kalangan pelajar. Pelajar yang bermasalah seringkali dihukum kerana keadaan disiplin mereka di sekolah, sehinggakan akhirnya mereka dipindahkan sekolah atau terus dibuang sekolah. Persoalannya, adakah usaha memperkenalkan perkhidmatan kaunseling individu di sekolah-sekolah menengah dapat membantu mengatasi masalah kerana pelajar pada tahap ini meliputi remaja yang berdepan dengan pelbagai kemelut dan juga konflik.

Selain itu, tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan sosial dan akademik pelajar hari ini banyak dipengaruhi oleh pembangunan negara. Pelajar hari ini disediakan dengan pelbagai kemudahan yang dapat membantu mereka menjadi lebih cemerlang dalam mencapai modal insan jika dibandingkan dengan generasi terdahulu. Memiliki ilmu dan kemahiran semata-mata tanpa dipupuk dengan nilai-nilai murni tidak cukup untuk membina modal insan yang berkualiti di kalangan para pelajar.

Oleh itu, pelbagai program telah diadakan dan dilaksanakan dalam membentuk modal insan pelajar. Contoh usaha yang telah dijalankan terutama kepada sekolah rendah ialah seperti program J-QAF (Jawi, Al-Quran, Arab dan Fardhu 'Ain) yang diperkenalkan kepada pelajar beragama Islam. Begitu juga dengan mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan yang diperkenalkan pada tahun 2005 kepada pelajar sekolah rendah. Hal ini akan mewujudkan kesedaran mengenai peranan, hak dan tanggungjawab ke arah melahirkan masyarakat yang patriotik. Walaubagaimanapun, dalam konteks ini bagaimana pula kaunseling individu itu sendiri dapat memberi kesan terhadap perkembangan modal insan pelajar-pelajar?

Selain itu, adakah pelajar-pelajar di sekolah menengah agama mempunyai modal insan yang lebih tinggi atau seperti dengan pelajar-pelajar lain di sekolah menengah kebangsaan yang biasa akibat perbezaan pendidikan yang mereka terima. Zainur Rijal dan Rosni (2007) di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu menunjukkan bahawa sebahagian besar responden yang terdiri daripada para pelajar dan guru bersetuju bahawa sekolah menengah agama secara umumnya mempunyai peranan yang besar dalam membentuk modal insan yang bersepadu.

Namun persoalannya, sejauh manakah mereka mampu melaksanakan sesi kaunseling individu secara berkesan terhadap para pelajar dengan menggunakan kemahiran yang sebetulnya ataupun mereka hanya sekadar menyediakan khidmat nasihat seperti yang boleh dilakukan oleh mana-mana guru atau sesiapa sahaja yang gemar memberikan nasihat? Selain itu, walaupun pelbagai khidmat kaunseling yang disediakan disekolah sudah lama berfungsi, persoalannya adakah pelajar di sekolah agama sedar akan kewujudan perkhidmatan kaunseling di sekolah mereka dapat membantu mereka menjadi insan yang lebih berguna pada masa hadapan kelak?

Oleh itu, satu kajian adalah wajar dilaksanakan untuk mengetahui bagaimana kaunseling individu dapat membantu dalam pembentukan modal insan. Secara tidak langsung juga, melalui kajian ini semua guru kaunseling akan memperolehi maklumat yang penting hasil daripada kajian ini untuk membolehkan mereka menjalankan tanggungjawab dengan lebih profesional. Golongan pelajar pula merupakan harapan dan pemangkin kepada pembangunan negara pada masa hadapan. Kegawatan nilai-nilai murni dan sahsiah yang terpuji pelajar pula, memberi cabaran dalam memberntuk modal insan yang berkualiti. Adakah fungsi kaunseling individu di sekolah tidak memberi makna? Hal ini menjadi sebab kepada pengkaji untuk membuat tinjauan tentang perkhidmatan kaunseling individu di sekolah menengah agama dalam membantu perkembangan modal insan pelajar-pelajar. Tiga objektif kajian dan tiga persoalan kajian diutarakan dalam kajian ini adalah seperti berikut :

Objektif Kajian

1. Memahami bagaimana proses pendekatan kaunseling individu yang dijalankan di sekolah menengah agama.
2. Meninjau bagaimana penerimaan kaunseling individu dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama.
3. Mengenal pasti sejauhmana pendekatan kaunseling individu dapat membantu dalam pembentukan modal insan pelajar di sekolah menengah agama.



Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab tiga persoalan berikut :

1. Apakah bentuk pendekatan kaunseling yang dijalankan di sekolah menengah agama?
2. Bagaimanakah penerimaan kaunseling individu dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama ?
3. Sejauhmanakah pendekatan kaunseling individu dapat membantu dalam pembentukan modal insan pelajar di sekolah menengah agama ?

Metodologi Kajian

Kaedah penyelidikan merujuk bagaimana seseorang penyelidik mendapatkan maklumat bagi mencapai sesuatu matlamat penyelidikan. Ini sejajar dengan apa yang dikemukakan oleh Othman Lebar (2007). Oleh yang demikian di dalam bab ini, terdapat empat bahagian yang dikemukakan dalam metodologi penyelidikan. Pertama, reka bentuk kajian, kedua, kaedah pengumpulan data, ketiga, kaedah penganalisan data dan keempat ialah kaedah kesahan dan kebolehpercayaan.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kajian kes yang berunsurkan penerokaan. Reka bentuk kajian ini telah digunakan dalam pelbagai situasi untuk menambahkan maklumat mengenai individu, organisasi sosial, politik dan fenomena yang berkaitan (Yin, 1994). Hal ini turut diakui oleh Othman Lebar (2007) yang menjelaskan bahawa kajian kes biasanya dijalankan oleh penyelidik atas sebab minat untuk meneroka, membuat interpretasi dan untuk mendapat pemahaman yang mendalam tentang sesuatu kes.

Berdasarkan kepada pandangan tersebut didapati bahawa kajian kes ini boleh menggunakan pelbagai metod yang sesuai sama ada pendekatan kualitatif mahupun kuantitatif. Daripada pandangan Creswell (2007) dan Stake (2005) inilah, pengkaji melihat relevannya penggunaan reka bentuk kajian kes berunsurkan penerokaan bagi meneroka dan memahami sejauh manakah pendekatan kaunseling individu memberi kesan dalam usaha untuk membentuk modal insan pelajar di Sekolah Menengah Agama .

Rasionalnya bagi pendekatan kajian kes berunsurkan kajian penerokaan ini digunakan adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan permasalahan kaunseling individu yang dijalankan di SMA secara lebih mendalam. Hal ini selari dengan pandangan Azhar Harun dan Nawi Abdullah (2004) yang menyatakan reka bentuk kajian kes berunsur penerokaan ini selalunya dijalankan untuk menilai dan mendalami secara terperinci tentang sesuatu permasalahan. Pandangan mereka juga mempunyai persamaan dengan kajian Sekaran (2005) yang mengatakan kajian kes berunsurkan penerokaan selalunya dijalankan bagi menjawab persoalan yang kurang atau tiada maklumat dalam kajian sebelumnya.

Oleh sebab itu, pendekatan kajian kes berunsur penerokaan ini membolehkan pengkaji membuat kajian dengan lebih mendalam di SMA. Penggunaan reka bentuk kajian ini membenarkan pengkaji untuk mendapatkan penjelasan berkenaan konsep kaunseling individu yang dijalankan di SMA. Ia juga penting bagi mengetahui kaitan antara perkara baharu yang ditemukan ketika penyelidikan ini dijalankan. Hal ini juga bertepatan dengan pandangan Syed Arabi Idid (2002) yang menyatakan bahawa kajian penerokaan ialah kajian yang bersifat baharu dan kurang maklumat mengenainya. Ia diperlukan untuk memperjelaskan lagi perkara baharu yang ditemukan dan memperdalaminya.

Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data merujuk kepada bagaimana seseorang penyelidik memperolehi data bagi kajiannya. Ia juga merujuk kepada jenis maklumat yang diinginkan. Data yang disampaikan melalui kata-kata dipanggil sebagai data kualitatif (Merriam, 1998). Terdapat dua sumber yang diperolehi daripada kaedah pengumpulan data ini, iaitu sumber sekunder dan sumber primer. Sumber sekunder diperolehi dengan melakukan pengumpulan data melalui kaedah kepustakaan. Kaedah ini digunakan untuk merujuk dan menyoroti karya dan kajian sebelum ini yang berkaitan dengan tajuk tesis ini. Sumber primer pula diperolehi dengan melakukan kaedah temubual. Kaedah temubual yang digunakan ialah kaedah temubual berstruktur. Ia dilakukan dengan



menggunakan soalan yang telah pun disusun mengikut keperluan objektif kajian ini. Oleh itu, terdapat dua data yang diperoleh daripada kajian ini iaitu data sekunder dan data primer.

Kaedah Temubual

Kajian ini menggunakan kaedah temubual berstruktur untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam mengenai pengalaman-pengalaman peribadi peserta kajian selepas menjalani intervensi bersama guru kaunseling di sekolah tersebut.

Populasi Dan Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan dua orang guru kaunseling dan dua orang pelajar dari dua buah Sekolah Menengah Agama di dalam negeri Selangor. Cara sampel dipilih adalah melalui persampelan bertujuan iaitu temubual ini hanya khusus kepada guru kaunseling yang pernah melakukan sesi kaunseling individu dan pelajar-pelajar yang pernah mendapatkan perkhidmatan kaunseling individu dalam kes disiplin sahaja.

Alat Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik memainkan peranannya sebagai alat utama kajian. Penyelidik juga perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan untuk berhubung dengan manusia di sekelilingnya (Marohaini, 2001) kerana penyelidik adalah alat kajian primer dan sentiasa berhadapan dengan respondennya. Justeru itu, penyelidik perlu bertindak mengikut peranannya menganalisa dan menginterpretasi data yang dikaji mengikut kadar pemahamannya. Ini juga bermakna penyelidik perlu memiliki kebolehan menilai tingkahlaku.

Dua orang guru kaunseling akan ditemubual. Mereka dipilih atas faktor mempunyai pengalaman luas, telah berkhidmat beberapa tahun dalam bidang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah, serta mempunyai kelulusan khusus dalam bidang bimbingan dan kaunseling pada peringkat ijazah sarjana muda dan pelbagai kursus berkaitan yang telah mereka ikuti.

Bagi sampel pelajar pula, pelajar yang ditemubual perlulah sekurang-kurangnya sekali pernah mengadakan sesi kaunseling individu. Soalan-soalan yang akan ditanya adalah tidak terkeluar daripada persoalan kajian ini. Rakaman juga akan dilakukan sepanjang sesi temubual dengan guru kaunseling dan pelajar berlangsung supaya sebarang maklumat tidak akan tercicir.

Pemilihan Peserta Kajian

Pemilihan peserta kajian dilaksanakan dengan bantuan pihak pentadbiran sekolah berkenaan untuk memilih seorang guru yang berpengalaman dalam sesi kaunseling. Manakala pemilihan pelajar yang telah menjalani sesi kaunseling khususnya bagi pelajar yang bermasalah disiplin dilaksanakan dengan bantuan guru kaunseling tersebut untuk memilih seorang sahaja pelajar untuk hadir dalam sesi temubual bersama penyelidik. Walaubagaimanapun, jadual perjumpaan ini juga bergantung kepada keizinan pihak pentadbiran sekolah tersebut.

Kaedah Tinjauan

Teknik pemerhatian dilakukan sepanjang temubual berlangsung ke atas bahasa badan seperti kepala, ekspresi muka, gerak mulut, kontak mata, tangan dan postur tubuh yang menggambarkan perasaan sama ada positif mahupun negatif. Ini bermakna, selain maklumat diperolehi melalui temubual itu sendiri yang bersifat naratif, maklumat juga diperolehi daripada bahasa badan yang disampaikan oleh peserta kajian. Teknik ini bukan semata-mata dilakukan sebagai memenuhi ketika dalam temubual itu sendiri sahaja namun ia juga merupakan peluang kepada penyelidik memperoleh data dengan memerhatikan fenomena atau kes yang dikaji sedang berlaku. Di sini, penyelidik menulis nota lapangan, iaitu rekod atau catitan berkenaan sesuatu perkara yang diperhatikan dan didengarinya, termasuk pemikiran atau ideanya berkenaan perkara yang dikaji.



Kaedah Penganalisan Data

Dalam kajian ini, lantaran ia bersifat kualitatif, proses menganalisis data perlu dilakukan dengan teratur dan sistematik kerana ia diambil dari pelbagai sumber. Keadaan ini akan membantu penyelidik agar dapat menguruskan data dengan lebih sistematik supaya penyelidik tidak kabur dalam data yang banyak di akhir kajian. Oleh kerana itu, proses analisis data perlu dilakukan serentak sejurus selepas data dikumpulkan iaitu selepas tamat setiap sesi temubual dengan peserta kajian. Kemudian selepas pemerhatian dibuat agar fokus sebenar kajian dapat dikekalkan. (Bogdan dan Biklen, 1992) menyatakan bahawa proses penganalisan dalam kajian kualitatif dilakukan semasa dan selepas proses pengumpulan data. Bagi catatan temubual ini perlu dibaca serta difahami bagi memperolehi kategori dan kod. Ini kerana segala bentuk data yang diperoleh perlu dijadikan dalam bentuk tulisan untuk dianalisis (Ary, Jacobs & Razaveih, 2002).

Analisis Dokumen

Dokumen adalah sumber yang kerap digunakan dalam kajian kualitatif. Dokumen serta proses, pemikiran, penyusunan aktiviti-aktiviti yang dikemukakan boleh dijadikan bukti bahawa sesuatu yang dikaji membekalkan kandungan yang dapat memberi kefahaman tentang sesuatu konteks (Prior, 2003). Dokumen menurut Woodhouse (2006) boleh dalam bentuk data utama yang ditranskripkan dan juga sebagai data sekunder iaitu maklumat yang diperolehi menerusi pihak kedua atau ketiga. Material utama yang dianalisa dalam kajian ini ialah laporan sesi kaunseling. Laporan ini disediakan oleh peserta kaunselor sekolah terbabit. Laporan sesi kaunseling adalah catatan yang dilakukan selepas tamat satu-satu sesi dijalankan. Ia sebagai satu bentuk formaliti yang disediakan oleh mana-mana kaunselor bertujuan membantu kaunselor merancang dalam membantu kliennya.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Setiap penyelidikan adalah penting untuk dilihat sah dan boleh percaya dari sudut etikanya. Ini bermakna di dalam setiap penyelidikan dapatannya boleh dipercayai terutama terhadap mereka yang profesional dalam usaha mereka untuk mengaplikasikan penyelidikan tersebut. Ini adalah kerana setiap penyelidik sebenarnya menyelidik tentang kehidupan manusia. Dalam menganalisis data kualitatif, perkara yang diinterpretasi penyelidik kerap di persoalkan sama ada ia boleh dipercayai atau tidak.

Penyelidik kualitatif perlu menjawab persoalan ini menggunakan beberapa cara seperti di bawah : Kredibiliti, Triangulasi, Kebolehgantungan (*Dependability*), Kebolehsahan (*Comfirmability*), Jejak Audit, *Member Checks*, Pemeriksaan Rakan Sekerja (*Peer Examination*), Diari Penyelidikan dan *Bracketing* atau *Epoche*.

Dapatan dan Perbincangan

Persoalan kajian pertama yang dikemukakan adalah untuk mengenal pasti pendekatan kaunseling individu yang dijalankan di sekolah. Daripada persoalan kajian tersebut, terdapat tujuh tema yang telah digariskan. Pertama, latar belakang guru kaunselor dan latar belakang murid. Kedua, aktiviti bimbingan yang dijalankan. Ketiga, cara berjumpa dengan guru kaunselor. Keempat, kekerapan guru kaunselor memberi perkhidmatan kaunseling individu. Kelima, masalah yang selalu dikemukakan oleh pelajar. Keenam, kemahiran kaunseling yang digunakan. Ketujuh, teori yang biasa digunakan dalam sesi kaunseling. Berdasarkan tema yang digariskan tersebut, maka dapatlah dijelaskan secara realiti bagaimana pendekatan kaunseling individu dilaksanakan di Sekolah Menengah Agama?

Hasil kajian ini menunjukkan, terdapat tiga fasa kemahiran yang telah digunakan oleh semua guru-guru, iaitu fasa pembukaan, fasa memahami dan fasa penyelesaian masalah. Berdasarkan kepada teori yang digunakan oleh kedua-dua guru di sekolah tersebut, teori yang selalu digunakan ialah teori REBT atau disebut sebagai *Terapi Rasional Emotive Tingkah Laku*. Walaupun begitu, terdapat juga teori berbeza yang digunakan, iaitu teori PCC dan teori Gestalt. Berdasarkan keyakinan guru-guru dalam memberikan jawapan berdasarkan pendekatan yang digunakan, menunjukkan bahawa mereka semua sememangnya bersungguh-sungguh untuk meningkatkan modal insan pelajar. Hasil daripada analisis terhadap kemahiran dan teori yang



digunakan didapati pendekatan kaunseling individu yang digunakan dalam kalangan guru sekolah menengah agama tidak terdapat perbezaan yang ketara.

Bagi persoalan kajian yang kedua pula, iaitu penerimaan kaunseling individu dalam kalangan pelajar, mereka mempunyai jawapan yang tersendiri. Maka, terdapat empat tema yang telah digariskan. Pertama, mengetahui pentingnya merujuk guru kaunselor di sekolah. Kedua, sesi kaunseling individu yang telah dijalankan. Ketiga, setelah menjalani sesi kaunseling, apakah ianya membantu atau tidak. Keempat, perkara yang telah mengubah diri pelajar lebih baik dari sebelumnya.

Daripada keempat-empat tema tersebut, hasil temu bual telah dianalisis kepada kesemua jawapan yang diberikan oleh pelajar tersebut didapati kaunseling yang diberikan guru mereka berjaya dalam mengubah pendirian dan sikap mereka, terutama dalam menetapkan cita-cita di masa hadapan. Kesemuanya mengakui bahawa kaunseling individu dapat membantu dan menyedarkan mereka menjadi insan yang lebih berguna kepada diri, keluarga dan masyarakat.

Kesan daripada penggunaan kemahiran dan teori dapat dinilai melalui jawapan yang diberikan. Ini menunjukkan kemahiran dan teori yang digunakan berkesan terhadap pelajar. Misalnya SMKA Hamidah pula, *'Ada lah perubahan...saya rasa tanggungjawab..rajin nak tolong ibu bapa..'* dan SAM Rawang pula, *'Banyaklah juga perubahan yang saya dapat...saya jadi lebih sabar..erm..saya juga sedar tanggungjawab sebagai seorang anak..sebagai seorang pelajar...untuk membalas segala jasa ibu dan ayah..sebab mereka dah banyak bantu saya untuk berjaya...Saya juga yakin bahawa saya mampu capai sesuatu kalau saya bersungguh-sungguh..'*. Kesemua jawapan tersebut telah mempamerkan bahawa kaunseling individu ini penting untuk membawa kesan kepada pembinaan modal insan.

Bagi persoalan ketiga pula, hasil analisis terhadap kesan pendekatan kaunseling individu terhadap pelajar-pelajar tersebut mempamerkan bahawa perkhidmatan ini amat penting untuk dilaksanakan. Kerana kaunseling individu ini dapat membantu dalam membentuk modal insan para pelajar Sekolah Menengah Agama adalah jawapannya sudah tentu ya. Walaupun begitu, dalam menyempurnakan proses meyakinkan bahawa kesan tersebut hasil daripada kesedaran guru tersebut terhadap modal insan ini, maka digariskan tiga tema di bawah persoalan kajian ini.

Pertama, pemahaman dan iltizam guru kaunselor untuk membentuk modal insan dalam kalangan pelajar. Kedua, pendekatan bimbingan dan kaunseling yang telah berjaya melahirkan modal insan. Ketiga, cadangan dan keyakinan guru kaunselor di sekolah bahawa pendekatan kaunseling individu dapat membantu melahirkan modal insan dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama. Jawapannya amat positif.

Daripada kedua-dua kenyataan guru jelas mempamerkan bahawa kesemua guru tersebut memahami akan pentingnya membina modal insan pelajar. Apabila dihubungkan dengan aktiviti kaunseling individu yang dilaksanakan sebelum ini, jelas menunjukkan bahawa setiap aktiviti yang dilaksanakan mempunyai hubungan dan tujuan untuk membina modal insan pelajar.

Berdasarkan kepada analisis, telah membuktikan bahawa kaunseling individu ini bukan sahaja dapat meningkatkan kecemerlangan pelajar, malah ia juga mampu membentuk modal insan pelajar. Hasil daripada keseluruhan analisis terhadap persoalan kajian yang ketiga ini, dapat dirumuskan bahawa kesemua guru sedar akan kepentingan membina modal insan ini. Mereka sememangnya sentiasa bersedia dan komited untuk membentuk modal insan pelajar.

Apabila keseluruhan tema ini telah terjawab, bermakna ketiga-tiga daripada persoalan kajian ini juga telah terjawab. Maka, tujuan daripada kajian ini juga telah berjaya dicapai. Dapat disimpulkan sekali lagi bahawa, kajian ini telah berjaya menganalisis kesan kaunseling individu terhadap pembentukan modal insan pelajar. Hasilnya, dapat dipamerkan bahawa kaunseling individu mampu membentuk pelajar menjadi insan yang berakhlak mulia dan menjadikan kehidupan yang lebih bermakna serta berjaya melahirkan modal insan dalam kalangan pelajar daripada hasil kaunseling individu ini.

Kesimpulan

Sebagaimana dibuktikan dalam kajian ini, kaunseling individu amat berkesan dalam pembentukan modal insan pelajar. Ia diteliti berdasarkan kaunseling individu yang dijalankan di dua buah sekolah menengah agama ini. Pendekatan yang dikemukakan tersebut adalah diperlukan pada masakini bagi menangani pelbagai masalah khususnya masalah disiplin di sekolah. Aktiviti



bimbingan dan kaunseling perlu di perbanyakkan lagi di peringkat sekolah. Pelajar bukannya sentiasa dibiarkan bermasalah, tetapi mereka sebenarnya memerlukan bimbingan semua ahli masyarakat agar menjadi tunjang dan tulang belakang negara untuk bersama-sama membina sebuah negara maju selari dengan wawasan negara. Usaha untuk membimbing pewaris negara ini bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dilaksanakan. Ia memerlukan perancangan yang rapi, sistematik dan diwarnai dengan kasih sayang dan keperihatinan semua yang terlibat. Hasil daripada kajian yang dikemukakan dalam kajian ini secara tidak langsung boleh dijadikan panduan untuk pengkajian kaunseling individu akan datang. Bukan itu sahaja, pengkajian di sekolah lain juga boleh digunakan untuk mengkaji bidang ini dengan lebih mendalam. Ia juga boleh dijadikan panduan dasar-dasar kaunseling individu sesebuah Negara. Sebagai contoh, kaunseling individu di peringkat pembangunan sumber manusia, pembangunan ekonomi negara dan pentadbiran negara. Maka hasil dari penemuan ini diyakini telah memberikan sumbangan penting dalam memperkenalkan konsep baru terhadap kaunseling individu, kerana ia merupakan bidang yang masih banyak perlu diterokai terutama kaunseling individu dalam bidang pembangunan modal insan.

Rujukan

- Abdul Halim Othman. 2009. *Kaunseling untuk kesejahteraan – Satu kajian kes Perkhidmatan Kaunseling di Universiti Kebangsaan Malaysia* Jurnal Personalia Pelajar, 12.1-7
- Althen, G. 1992. Kaunseling untuk pelajar-pelajar melayu. Terj. Amla Mohd. Salleh. *Jurnal Perkama 3 & 4 : 13-28*
- Amaludin Ab. Rahman. 2008. *Perkhidmatan kaunseling: pendekatan dalam hikmah berdakwah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors
- Aminah Hashim. 1988. *Masalah yang di hadapi oleh pelajar tingkatan 4 di sekolah menengah dan orang yang di temui untuk mendapatkan pertolongan*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Ary, D., Jacobs, L. C. & Razavieh, A. 2002. *Introduction to research in education*. 6th Ed. Belmont, CA: Wadsworth Thompson Learning.
- Asmawati Suhid. 2009. *Pengajaran adab dan akhlak Islam dalam membangunkan Modal Insan*. Jurnal Pendidikan Umum Bilangan 8 167-178. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia
- Badriah Sunatri. 2008. *Hubungan layanan bimbingan dan kaunseling dengan kesihatan mental (perilaku) siswa MAN 12 Duri Kosambi Cengkareng*. Jakarta : UIN Syarif Hidayatullah.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. 2000. 5th Ed, *Research Methods in Education*, London: Routledge Falmer
- Creswell, J. W. (2005). *Educational Research: Planning, conducting, and evaluating qualitative and quantitative research*. 2nd ed. New Jersey : Pearson Education
- Gibson, R.L & Mitchell, M. 2009. *Introduction to counselling and guidance*. New York Macmillan Publishing Company.
- Grummon, D.L. 1979. *Client – centered theory*. New York: McGraw-Hill.
- Kail, R.V. & Cavanaugh, J.C. 2010. *Human development : A life-span view*. New York : Cengage Learning.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012. <http://www.moe.gov.my/>
- Leong Kwai Ying. 1985. Sikap Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah : Satu Kajian Kes. *Latihan Ilmiah*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lim Chong Hin. 2007. *Penyelidikan pendidikan pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. Shah Alam, Selangor. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Marohaini, Yusoff. 2001. *Pengkajian Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*: Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Marshall C. & Rossman G.B. 1995. *Designing Qualitative Research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Merriam, S.B. 2009. *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco: John Wiley and Sons.



- Miles, M. B. & Huberman, A. M. 1994. *Qualitative data analysis*. 2nd ed. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Mohd. Mashor Mustafa. 1987, Kajian Terhadap Penerimaan Kaunselor di kalangan murid-murid sekolah menengah. *Latihan Ilmiah*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Morgan, O.L. 1997. *Focus groups as qualitative research*. 2nd edition. California: Sage Publications, Inc.
- Patton, M.Q. 1990. *Qualitative Evaluation and Research Methods*. 2nd. Ed. Newbury Park: Sage Publications.
- Rogers, C. 1951. *Client-centered therapy : Its current practice , implications and theory*. Boston : Houghton Mifflin.
- Rohana Yusof. 2004. *Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Salema Ahmad. 2006. *Amalan Nilai Murni di kalangan guru bimbingan dan kaunseling sekolah menengah*. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.
- Shahizan Hassan, Tsai Chen Chien & Saw Hooi Chin. 2006. *Intrapersonal dan Interpersonal untuk remaja*. Kuala Lumpur : PTS Profesional
- Shertzer, B., & Stone, S.C. 1992. *Fundamental of counseling*, 3rd Ed. Boston : Houghton Mifflin.
- Suradi Salim. 1994. *Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling ; Kajian Keperluan Pelaksanaan & Prospek*. Kuala Lumpur : Pustaka Akademik.
- Zainuddin Abu, Zuria Mahmud, Salleh Amat. 2008. *Pendekatan kaunseling menangani masalah kebebasan dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi : Dua kajian kes* Jurnal Pendidikan 33. 107-123. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

